

LANG BAHU HITAM
Black-shouldered Kite

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Elanus caeruleus*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa, bahagian atas badan berwarna kelabu pudar dan bahagian sayap sekunder berwarna hitam. Bahagian tepi kepala dan bawah badan berwarna putih, atas mata berwarna hitam dan ekor pendek yang berwarna keputihan. Semasa terbang, sayap kelihatan agak pudar dengan bahagian atas sayap sekunder berwarna hitam. Bagi individu juvenil, terdapat jalur-jalur hitam di bahagian atas kepala, bahagian atas badan berwarna kelabu, hujung ekor berwarna gelap. Bahagian telinga dan dada berwarna oren kekuningan pudar.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 31.0 sm-35.0 sm.

MAKANAN

Haiwan-haiwan kecil.

HABITAT

Dijumpai di kawasan pinggir hutan, kawasan terbuka dan kawasan perladangan sehingga pada ketinggian 1,500 m dari aras laut.

BUNYI

Menghasilkan bunyi *pii-uu* atau *pieu* yang lembut. Spesies ini juga mengeluarkan bunyi *gree-ah* dan *u-eeek*.

TABIAT

Boleh terbang pada satu-satu tempat dalam tempoh agak lama sambil memerhati mangsanya sebelum menjunam ke bawah untuk menyambar .

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah sepanjang tahun. Sarang tidak kemas dan dibina di atas pokok. Burung betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur pada setiap kali. Telur berwarna putih ke kuning lusuh dengan bintik-bintik berwarna coklat ke merah gelap. Anggaran saiz telur adalah 39.3 x 30.9 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.